

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 29 NOVEMBER 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 79

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1523-L21201

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kriteria serta penilaian yang digunakan oleh Jabatan Kebajikan dalam mengenal pasti kebolehan seseorang ibu/bapa dalam menjaga anaknya dan apakah mekanisme kontingensi bagi memastikan pegawai yang bertugas tidak menyalahgunakan kuasa ketika membuat penilaian tersebut.

2. PR-1523-L22049

Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah proaktif yang dilakukan oleh pihak Kementerian untuk menjamin kebijakan pesara polis seluruh negara sebagai menghargai jasa dan sumbangan mereka kepada negara.

3. PR-1523-L21352

Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah perancangan yang telah dan akan dijalankan oleh Kementerian dalam mempertingkatkan bilangan usahawan serta memberi panduan dan bantuan untuk memajukan para usahawan bumiputera khususnya di Kinabatangan. Berapa banyak peruntukan yang telah dibelanjakan bagi tujuan ini.

4. PR-1523-L22381

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah drastik yang diambil Kementerian bagi mengekang kes denggi yang semakin meningkat. (Laporan peningkatan sehingga 4.7% pada minggu Epidemiologi ke-31 (ME31) bagi tempoh 30 Julai hingga 5 Ogos 2023, berbanding 2427 kes dilaporkan pada minggu sebelumnya (2 kematian turut direkodkan) Kumulatif kes demam denggi yang dicatatkan setakat ini 71,193 kes berbanding 32,521 kes bagi tempoh sama tahun lepas iaitu peningkatan 118.9 peratus atau 38,672 kes).

5. PR-1523-L22139

Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk SJK (T) berdasarkan trend peruntukan tahunan yang semakin menurun. Dalam Belanjawan 2023, amaun peruntukan untuk SJK(T) adalah lebih kecil berbanding dengan tahun Belanjawan 2022. Dana untuk SJK(T) makin berkurang dari tahun ke tahun.

6. PR-1523-L22478

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah pencegahan bagi memastikan jangkitan cacar monyet yang dilaporkan telah wujud di Malaysia tidak menular seperti virus COVID-19.

7. PR-1523-L22057

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah simpanan ahli-ahli KWSP yang berumur 54 tahun pada 1/1/2023 dengan pecahan jumlah simpanan di bawah RM10,000, RM 10,001 - RM 20,000, RM 20,001 - RM 50,000, RM 50,001 - RM 100,000, RM 100,001 - RM 200,000, RM 200,001 - RM 500,000, RM 500,001 - RM 1 juta dan RM 1 juta ke atas.

8. PR-1523-L22190

Tuan Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil pihak Kementerian untuk menyemai budaya perdebatan yang matang dan sihat dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah, khususnya dalam aspek kesedaran politik, advokasi polisi dan kecerdikan watan.

9. PR-1523-L21492

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah impak CPTPP ke atas industri Kecil dan Sederhana untuk mendapatkan kontrak Kerajaan. Bagaimana Kerajaan memastikan Syarikat Kecil dan Sederhana boleh *survive* dalam keadaan persaingan syarikat besar asing.

10. PR-1523-L22391

Tuan Zakri bin Hassan [Kangar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang perlu diambil terhadap warga asing yang bermiaga di negara Malaysia seolah-olah berada di negara mereka sendiri.

11. PR-1523-L(5)00200

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh manakah potensi industri kayu-kayan di Gemas, Tampin dan sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara serta industri baharu yang boleh diwujudkan di dalam kawasan Parlimen Tampin.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

12. PR-1523-L22526

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kerajaan berkenaan mengembangkan lagi program J-QAF ke peringkat sekolah menengah dan nyatakan halangan yang menyebabkan ianya masih tidak dilaksanakan sehingga sekarang walaupun pernah dicadangkan beberapa tahun yang lalu.

13. PR-1523-L21376

Dato' Sri Sh Mohamed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimana Kementerian mampu memastikan penubuhan Pusat Geriatric tidak menjadi tempat pengabaian ibu bapa oleh anak-anak yang enggan menjaga mereka.

14. PR-1523-L22566

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian masih menjadikan *Sister in Islam* sebagai rakan strategik atau menjemput NGO tersebut bagi memberikan pandangan kepada pihak Kementerian memandangkan status NGO tersebut yang bermasalah.

15. PR-1523-L21411

Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Kementerian bagi menambah baik kecekapan pengangkutan awam di Sabah selari dengan dasar pengangkutan awam yang lebih seimbang di antara wilayah.

16. PR-1523-L22547

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan akan mempertimbangkan untuk melaksanakan kembali Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) sebagai langkah untuk meningkatkan pendapatan negara untuk dikembalikan dalam bentuk manfaat kepada rakyat.

17. PR-1523-L21460

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

- (a) perubahan ketara yang sedang diusahakan dalam sistem penjagaan kesihatan untuk memastikan kecekapan dan kualitinya; dan
- (b) tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk menyekat doktor bertauliah daripada berhijrah ke hospital swasta.

18. PR-1523-L22608

Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan usaha Kementerian yang terkini dalam membantu usahawan-usahawan informal dan mikro yang masih terjejas akibat kenaikan harga barang yang melampau sehingga menyebabkan kesukaran untuk usahawan ini memulakan semula perniagaannya.

19. PR-1523-L21596

Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengenai pelaksanaan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih dan rancangan untuk memperluaskan konsep sekolah ini ke Sabah dan Sarawak terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman yang mempunyai kes kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri yang tinggi terutamanya di kawasan sempadan Sabah/Sarawak-Indonesia.

20. PR-1523-L22014

Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kemaskini terkini mengenai siasatan Pasukan Tugas Khas Kementerian Pengangkutan yang menyiasat JPJandora Papers agar bidaan nombor plat berlaku lebih telus dan tidak lagi dibeli secara pukal oleh scalper iaitu "pembeli hantu".

21. PR-1523-L21274

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :

- (a) berapa jumlah pengekspotan produk lada tidak diproses dan yang telah diproses dari Sarawak dari tahun 2018-2022; dan
- (b) berapa jumlah lada tidak diproses yang diimpot dari luar negara dan apakah usaha pihak Kementerian untuk menentukan integriti dan kualiti lada di Malaysia.

22. PR-1523-L22389

Tuan Zakri bin Hassan [Kangar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai begitu ramai peniaga warga asing yang menjalankan perniagaan seolah-olah tanpa pengawasan pihak Kerajaan khususnya di Kuala Lumpur.

23. PR-1523-L21127

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kaedah penyelesaian permohonan pembetulan daftar kelahiran yang tidak memasukkan nama bapa dalam sijil kelahiran disebabkan ketidakhadiran bapa ketika pendaftaran.

24. PR-1523-L21925

Dato' Ramanan Ramakrishnan [Sungai Buloh] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan bagi pembinaan pusat sehenti "*one stop centre*" bagi Pemberdayaan Wanita dan Keluarga di setiap kawasan Parlimen.

25. PR-1523-L22481

Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah bentuk usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi membantu golongan peniaga kecil dan penjaja khususnya di luar bandar yang terkesan dengan peningkatan harga barang.

26. PR-1523-L21711

Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan usaha Kerajaan untuk mempercepat pemulihan industri perusahaan kecil, sederhana dan mikro (PMKS), terutama dalam membantu usahawan Bumiputera yang amat terkesan pasca pandemik.

27. PR-1523-L21285

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah kes keganasan rumah tangga, rogol, sumbang mahram, pencabulan kehormatan, liwat, mengaibkan kehormatan dan jenayah seksual kanak-kanak yang dilaporkan di Malaysia mengikut pecahan negeri pada tahun 2018 sehingga 2022.

28. PR-1523-L22143

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

- (a) berkaitan status keluaran tahunan tenaga kerja paramedik, pembantu perubatan dan jururawat di Malaysia, adakah pandemik COVID-19 yang lalu memberi kesan kepada kecukupan tenaga kerja kedua-dua bidang paramedik ini; dan
- (b) justifikasi untuk membenarkan jururawat tanpa Sijil Pos Basik dari luar negara untuk berkhidmat di hospital-hospital swasta dalam negara kita.

29. PR-1523-L21467

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan :

- (a) adakah entiti Korporat dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (SME) bersedia untuk peralihan tenaga hijau; dan
- (b) adakah Kerajaan berusaha untuk menggabungkan pendidikan kemahiran hijau di institusi TVET dan kursus pembangunan mampan.

30. PR-1523-L21888

Tuan Kalam bin Salan [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perincian mengenai projek rintis kelas *hybrid* sebagai proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) baharu yang melibatkan 110 institusi pendidikan terpilih dan 550 kelas.

31. PR-1523-L21476

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan orang yang telah disiasat dan ditangkap, kes yang disenaraikan "No Further Action" (NFA), kes yang dituduh di mahkamah serta kes tertuduh didapati bersalah serta pecahan mengikut warganegara, kaum, jantina, umur, jenis kesalahan (isu 3R, penghinaan terhadap kehakiman, Parlimen dan lain-lain) di bawah Akta Hasutan bagi tahun 2023.

32. PR-1523-L21399

Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah ada peruntukan untuk menyedia atau membekalkan televisyen pintar (*smart TV*) kepada sekolah luar bandar terutamanya di kawasan Parlimen Selangau. Ini memandangkan ia adalah keperluan asas dalam sistem pembelajaran dan pengajaran pada masa kini.

33. PR-1523-L21920

Dato' Ramanan Ramakrishnan [Sungai Buloh] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan secara terperinci bagi Pembangunan Subang Skypark sejak menerima cadangan daripada pihak Malaysia Airport Holdings pada bulan April 2023.

34. PR-1523-L22567

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status terkini Anjung Sinar sebagai transit kepada alumni institusi Kanak-Kanak JKM yang sebatang kara dan berapa jumlah kanak-kanak yang berstatus Al-Laqt bawah jagaan JKM yang terkini.

35. PR-1523-L22609

Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan perkembangan terkini program Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM) yang diselaraskan oleh Majlis Pembangunan Usahawan Dan Koperasi Parlimen (MPUKP) yang menawarkan harga yang jauh lebih murah daripada harga pasaran dan bagaimana pula prestasi dan peranan yang dimainkan oleh Coop Mart.

36. PR-1523-L21893

Tuan Azli bin Yusof [Shah Alam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kemajuan pelaksanaan terkini pembinaan sekolah-sekolah berikut dan berapa perbelanjaan yang dibelanjakan untuk tahun ini dan peruntukan untuk tahun 2024, 2025 dan seterusnya sehingga pembinaan ini selesai bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Denai Alam dan Sekolah Rendah Setia Alam 2.

37. PR-1523-L21550

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha terkini dan bersepadu Kerajaan mengatasi masalah kebanjiran warga asing yang bermiaga kedai runcit, kedai makan dan di pasar-pasar sehingga menghalang penduduk tempatan untuk bermiaga.

38. PR-1523-L(5)00195

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian boleh membantu mereka yang terjejas selepas penggulungan Syarikat CELLSAFE International Sdn Bhd dengan perintah Mahkamah. Apakah status terkini *cord blood stem cell* yang telah disimpan di syarikat ini dan bagaimana untuk menyelamatkan *cord blood stem cell* ini daripada kerosakan selepas penggulungan syarikat ini.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

39. PR-1523-L22315

Dato' Dr. Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

- (a) data dan statistik terkini pesakit diabetes mengikut negeri; dan
- (b) sejauh mana keberkesanan langkah pencegahan yang telah dilaksanakan KKM bagi mengurangkan jumlah pesakit diabetes di seluruh negara.

40. PR-1523-L21207

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah banduan yang sedang berada di dalam penjara di seluruh Malaysia dan berapa peratus daripada jumlah ini merupakan tahanan yang didakwa di bawah Akta Dadah Berbahaya atau mempunyai kesalahan berkaitan dadah.

41. PR-1523-L21147

Tuan Lo Su Fui [Tawau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah penerima Skim Perubatan Madani di negeri Sabah setakat ini berbanding negeri lain dan jaminan Kementerian agar skim ini disalurkan secara cepat, adil dan bilakah fasa kedua dilaksanakan kepada Tawau dan wilayah Sabah.

42. PR-1523-L(5)00208

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah individu terutamanya warga emas yang telah menghentikan polisi perlindungan insurans disebabkan oleh bayaran premium yang semakin meningkat seiring dengan pertambahan usia dan apakah langkah strategik pihak Kementerian dari aspek perlindungan insurans warga emas memandangkan Malaysia sedang berdepan dengan cabaran negara menua.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

43. PR-1523-L21661

Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penggulungan Syarikat TH Heavy Engineering yang dimiliki oleh Kementerian. Berapa cukai rakyat yang terbabit dalam sejarah syarikat ini dari permulaan, pengoperasian ke penggulungan.

44. PR-1523-L21149

Tuan Lo Su Fui [Tawau] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah usaha untuk memperluaskan program subsidi tiket penerbangan kepada pelajar universiti swasta berasal daripada Sabah dan Sarawak yang belajar di Semenanjung Malaysia dan luar Malaysia.

45. PR-1523-L22399

Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) bilangan kes salah laku yang dirujuk kepada Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard Bukit Aman (JIPS); dan
- (b) pecahan langkah-langkah disiplin yang diambil oleh JIPS sejak penubuhannya.

46. PR-1523-L21855

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) adakah langkah yang diambil untuk memastikan penyelenggaraan sekolah-sekolah dapat dijalankan lebih sistematik serta adakah Kementerian berhasrat bagi menyediakan suatu peruntukan khusus untuk memastikan proses penyelenggaraan berjalan dengan lebih baik; dan
- (b) berapa peruntukan penyelenggaraan sekolah-sekolah yang telah dan akan diturunkan ke Kawasan Parlimen Tenggara dari 2022, 2023 dan 2024 serta adakah terdapat perancangan Kementerian bagi membina dewan terbuka di sekolah dalam Parlimen Tenggara.

47. PR-1523-L22198

Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian akan mempertimbangkan pelaksanaan visa jangka panjang buat individu bukan warganegara yang mempunyai talian kekeluargaan dengan warganegara tempatan bagi memudahkan urusan pergerakan dan keberadaan mereka terutamanya dalam situasi kecemasan yang melibatkan ahli keluarga mereka yang berada di Malaysia.

48. PR-1523-L21566

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik pengambilan pelajar oleh Institut Pendidikan Guru (IPG) di setiap negeri. Senaraikan jumlah pensyarah yang mengajar subjek Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di setiap IPG dan kapasiti pengambilan pelajar oleh IPG berkenaan.

49. PR-1523-L(5)00205

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai lokasi tapak rezab sekolah rendah dan menengah mengikut aliran serta butiran seperti keluasan dan nombor lot di kawasan Parlimen Bangi, dan SOP dan asas pertimbangan untuk meluluskan pembinaan sekolah baru di tempat berpopulasi tinggi misalnya di Bandar Mahkota Cheras.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

50. PR-1523-L21275

Tuan Chiew Choon Man [Miri] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kadar bantuan sukan kepada sekolah khususnya yuran Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) sejak tahun 1957 hingga 2023 dan pendirian Kerajaan dalam meningkatkan yuran MSSM bagi membantu pelajar Sarawak dan Sabah untuk menyertai pertandingan sukan sekolah di semua peringkat.

51. PR-1523-L21237

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimana Kerajaan bercadang untuk menggalakkan lebih banyak kapal pesiar untuk datang ke Pulau Pinang dan menjadikan Pulau Pinang sebagai satu pelabuhan rumah (*homeport*).

52. PR-1523-L21261

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Projek Pusat Kanser Sarawak (Sarawak Cancer Center) dijangka mula dibina.

53. PR-1523-L(5)00201

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan bagi menambah bilangan perkhidmatan dan kepakaran sedia ada di Hospital Tampin, khususnya perkhidmatan pakar bersalin dalam usaha untuk mengurangkan kesesakan pesakit di Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

54. PR-1523-L21258

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah jawatan doktor perubatan dan doktor pakar terkini yang diperlukan untuk mengisi jawatan di hospital-hospital dan klinik-klinik seluruh Sarawak dan nyatakan jumlah yang telah diisi.

55. PR-1523-L21864

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik terkini secara terperinci berkaitan dengan kes penderaan kanak-kanak di Malaysia serta bagaimana tahap kesedaran rakyat Malaysia terhadap masalah penderaan yang semakin meningkat secara mendadak sejak akhir-akhir ini.

56. PR-1523-L21470

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jaminan Kerajaan bahawa pembinaan ECRL di bawah tanah tidak akan menyebabkan kejadian tanah mendap seperti yang berlaku pada 25 Julai 2023 di KM 66.1 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak.

57. PR-1523-L22702

Tuan Wong Kah Woh [Taiping] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan senarai hospital Kerajaan yang membekalkan perkhidmatan rawatan IVF. Apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memantapkan perkhidmatan rawatan IVF di hospital Kerajaan.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

Rang Undang-Undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023.

2. **Menteri Kerja Raya**

Rang Undang-Undang Lembaga Lebuh Raya Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2023.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 40/2023) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2023. **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

2. (D.R. 42/2023) Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023. “

[Menteri Kesihatan]

3. (D.R. 26/2023) Rang Undang-Undang Makanan (Pindaan) 2023. “

[Menteri Kesihatan]

4. **Menteri Ekonomi** akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan ini memahami akan perlunya satu dasar untuk mereformasi pasaran kerja melalui Kertas Putih Cadangan Dasar Gaji Progresif agar golongan pekerja mendapat gaji yang lebih tinggi seiring dengan peningkatan produktiviti.

Bahawa Dewan ini mendukung aspirasi Kerajaan untuk menstruktur ekonomi ke arah Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi dengan memperkenalkan dasar gaji yang dijangka berupaya mengurangkan ketidaksamarataan pendapatan, meningkatkan produktiviti pekerja dan daya saing syarikat.

Bahawa Dewan ini menyokong usaha pelaksanaan Dasar Gaji Progresif yang akan dimulakan dengan projek rintis bagi menentukan keberkesanan dan ketersediaan sebelum pelaksanaan Dasar Gaji Progresif dibuat secara menyeluruh.

Bahawa Dewan ini menyeru semua pihak berkepentingan untuk bersama-sama memikul tanggungjawab dalam menjayakan usaha ini sejajar dengan pendekatan kolektif dengan semua pihak termasuk Kerajaan, majikan dan pekerja.

Bahawa Dewan ini meluluskan Kertas Putih Cadangan Dasar Gaji Progresif supaya menjadi hala tuju reformasi pasaran kerja negara seperti yang dinyatakan dalam Kertas Perintah CMD. 69 Tahun 2023 iaitu Kertas Putih Cadangan Dasar Gaji Progresif.”

5. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(2), Akta Kastam 1967 supaya Perintah Duti Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.185, ST.186, ST.187, ST.188, ST.189, ST.190, ST.203, ST.204 dan ST.205 bagi tahun 2023 disahkan.”

6. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah subseksyen 10(4)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), membuat ketetapan bersetuju supaya Kumpulan Wang COVID-19 ditutup.”

7. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

“Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM21,000 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) bagi tempoh Jun sehingga November tahun 2023 ke Kumpulan Wang Pembangunan.”

8. Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad, Ahli Parlimen Kuala Selangor akan mencadangkan :

“**BAHAWA** Penyata yang disiapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan untuk mengkaji Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023, yang dibentangkan dalam Majlis ini sebagai Kertas DR. 8 Tahun 2023 diperkenankan mengikut Peraturan Mesyuarat 60”.

9. PR-1523-U(27)278

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera menangani isu gangguan bekalan beras putih tempatan (BPT) di pasaran yang kian meruncing susulan tindakan India menghentikan eksport beras putihnya ke pasaran.

Langkah penetapan had pembelian maksimum 100kg BPT untuk setiap individu dan syarikat bermula 7 September 2023 hanyalah penyelesaian yang bersifat sementara dan Kerajaan seharusnya mula merangka satu pelan yang lebih tuntas dalam usaha menjamin keterjaminan bekalan beras di Malaysia bagi jangka masa yang panjang.

Kerajaan perlu segera mewujudkan rangka tindakan yang lebih komprehensif bagi mengurangkan impak inflasi makanan global dari terus menghimpit rakyat negara ini khususnya berkaitan beras yang menjadi makanan ruji kita semua."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

10. PR-1523-U(27)279

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mencari penyelesaian untuk mengurangkan kos pengambilan pekerja asing yang kian melambung tinggi. Kebergantungan majikan tempatan terhadap pekerja asing berbanding pekerja tempatan di negara ini bukanlah perkara asing terutama dalam sektor 3D (*dirty, dangerous and difficult*).

Maka, adalah penting untuk mewujudkan satu dasar yang lebih komprehensif bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing agar pekerja tempatan diberi keutamaan terlebih dahulu dengan reformasi terhadap ekosistem sektor 3D meliputi kadar gaji, faedah dan sebagainya yang berpadanan dengan risiko pekerjaan perlu diimplementasikan secara berseiringan."

[Menteri Dalam Negeri]

11. PR-1523-U(27)280

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mewujudkan satu dasar mengutamakan sajian menu buah-buahan tempatan di semua majlis rasmi Kerajaan sebagai galakan dan sokongan kepada pemain industri buah-buahan tempatan serta ke arah membudayakan amalan pemakanan sihat.

Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian bagi membantu pengusaha buah-buahan tempatan untuk memasar serta mempromosi hasil ladang mereka dan sekali gus meningkatkan pendapatan. Maka melalui sajian menu buah-buahan di kesemua majlis rasmi Kerajaan perlu dibudayakan sepenuhnya sebagai sokongan terhadap industri buah-buahan tempatan."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

12. PR-1523-U(27)281

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan Jumlah Kadar Kesuburan (Total Fertility Rate) bagi rakyat Malaysia terus meningkat.

Negara kita telah beralih ke status negara menua pada tahun 2021. Hal ini kerana peratusan penduduk berusia 65 tahun dan ke atas telah mencapai 7% daripada jumlah populasi. Trend ini menunjukkan peningkatan dalam dua tahun lalu pada kadar 0.2 peratus setahun di mana pada tahun 2022 sebanyak 7.2% dan dijangka pada tahun 2023 mencapai 7.4%.

Dalam tempoh dua dekad lagi, negara dijangka beralih kepada negara tua apabila kohort umur yang sama mencapai 14% daripada jumlah populasi. Peralihan ini tentunya memberikan kesan yang paling ketara iaitu kepada penurunan trend populasi pekerja dan produktiviti. Bagi menghadapi cabaran dan dampak negara menua, kita perlu mencari jalan memperlahankan proses penuaan ini. Proses penuaan ini tidak boleh dihalang atau diberhentikan tetapi kita perlu mempunyai pelan persediaan bagi menghadapi situasi tersebut.

Jika kita teliti jumlah peratusan struktur umur penduduk yang berumur 0-14 tahun berlaku penurunan pada kadar 0.4% bagi 3 tahun iaitu ; tahun 2020 sebanyak 24%, 2021 sebanyak 23.6%, 2022 sebanyak 23.2%, dan 2023 sebanyak 22.6%.

Umum mengetahui negara-negara jiran dan serantau juga menghadapi perkara penurunan bagi jumlah kadar kesuburan, tetapi kadar tersebut agak perlahan penurunannya. Sehubungan itu, objektif kita agar dapat melandaikan graf penurunan ini bagi negara kita.

Persoalan saya, apakah kemampuan hospital Kerajaan dalam meningkatkan kemampuan kesihatan reproduktif. Berapa jumlah Hospital yang menyediakan perkhidmatan IUI dan IVF. Berapa ramai doktor pakar reproduktif masih berkhidmat di hospital Kerajaan. Adakah harga perkhidmatan yang dikenakan mampu diakses oleh rakyat. Berapa jumlah makmal reproduktif.

Dewan Rakyat juga perlu mencadangkan agar Kerajaan menetapkan polisi yang mampan seperti fleksibel waktu bekerja, yuran pusat penjagaan kanak yang mampu bayar, perbanyakkan pusat asuhan ditempat kerja, dan *paternity leave* kepada ibu bapa yang bekerja untuk meringankan bebanan mereka dalam meningkatkan kadar reproduktif rakyat Malaysia. *Population Complexity* ini yang harus kita uruskan dengan penuh keberanian dan semua pihak kena bersama-sama."

[Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat]

13. PR-1523-U(27)283

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan sebuah Kertas Putih Imigresen yang membincangkan tentang kadar atau jumlah sebenar kemasukan pelawat asing ke negara Malaysia.

Perkara ini bertujuan untuk mengetahui pergerakan pelawat asing berkenaan sama ada mereka terus tinggal di Malaysia atau dalam satu tempoh tertentu. Menerusi ini kita akan mengetahui jumlah sebenar populasi rakyat di negara ini melalui pengenalpastian perbezaan antara jumlah Warganegara Malaysia, Jumlah Pelawat Asing yang masuk ke negara kita sebagai pekerja ataupun dengan tujuan melancong.

Hal ini, akan memudahkan Kerajaan untuk merangka dan melaksanakan pelbagai pelan inisiatif mahupun bantuan seperti subsidi bersasar dan lain-lain agar setiap pelaksanaan tersebut dinikmati oleh rakyat di negara kita."

[Menteri Dalam Negeri]

14. PR-1523-U(27)286

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menerima hakikat bahawa lebih 100,000 calon peperiksaan SPM pada tahun 2022 telah gagal dalam mata pelajaran dan sekaligus gagal mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Menerima hakikat juga bahawa kegagalan dalam peperiksaan SPM ini mengakibatkan masa depan yang gelap kepada calon pada purata 70 ribu hingga 100 ribu setahun.

Menerima hakikat bahawa pelajar tercicir ini tidak ada lagi ruang untuk melanjutkan pelajaran maka segolongan pelajar tercicir ini akan menjadi kerugian dalam sumber tenaga kerja negara.

Dan menerima hakikat bahawa matlamat mendidik sebuah generasi pelajar untuk membina dan membangun negara kita telah gagal maka Kerajaan hendaklah mengambil tindakan yang serius terhadap masalah ini.

Maka dengan itu Dewan Yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan agar silibus dan buku-buku teks Subjek Sejarah Tingkatan Satu, Dua, Tiga, Empat dan Tingkatan Lima hendaklah dikaji semula dan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen hendaklah ditubuhkan untuk mendapat pandangan daripada setiap lapisan masyarakat daripada seluruh pelusuk negara, dan pada masa yang sama Jemaah Kabinet hendaklah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet Kajian Semula Silibus dan Buku Teks Sejarah yang dianggotai oleh Menteri-Menteri yang mewakili Sabah, Sarawak, Persekutuan Tanah Melayu dan parti-parti politik yang menubuhkan Kerajaan Perpaduan."

[Menteri Pendidikan]

15. PR-1523-U(27)287

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini Menerima hakikat bahawa sebuah Suruhanjaya Siasatan DiRaja yang ditubuhkan oleh Kerajaan suatu ketika dahulu telah berjaya membuat siasatan dan seterusnya telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini.

Dan menerima hakikat bahawa setelah sekian lama laporan tersebut telah gagal dilaksanakan dan mengakibatkan ketidakpuasan hati sebahagian besar daripada rakyat Malaysia.

Menerima hakikat juga bahawa rakyat tertanya-tanya apakah yang telah terjadi dengan laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja tersebut.

Dan menerima hakikat bahawa kecelaruan urus tadbir Pendatang Tanpa Izin; Penduduk Asing di Sabah yang mempunyai Kad Pengenalan yang meragukan; Peningkatan Bilangan penduduk di Sabah Tanpa Kewarganegaraan ataupun *stateless children* dan kehadiran orang asing yang memegang dokumen IMM13 yang tidak ada halatuju.

Maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan bahawa sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk meneliti dan mengkaji semula rekomendasi dan perakuan Laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja Mengenai Pendatang Asing Tanpa Izin untuk merumuskan suatu Road Map penyelesaian tuntas terhadap masalah oleh empat kategori penduduk golongan pendatang asing di Sabah."

[Menteri Dalam Negeri]

16. PR-1523-U(27)290

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan meletakkan sebuah garis panduan untuk sekolah-sekolah bagi pengurusan dana, perbelanjaan, dan juga aktiviti kutipan wang daripada pelajar, ibu-bapa, dan orang ramai. Selain itu, sebuah badan pemantau perlu diwujudkan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi. Ini kerana, kini sudah menjadi sebuah kelaziman untuk pihak-pihak sekolah menganjurkan program-program dan majlis-majlis yang memakan belanja besar, yang menggunakan duit daripada poket pelajar. Sebahagian daripada majlis ini mewajibkan kehadiran, dan sebahagian lainnya adalah secara sukarela. Tetapi harus kita faham, kewujudan jurang ekonomi akan membuatkan wujudnya golongan pelajar yang rasa keciciran sosial disebabkan faktor kewangan keluarga. Ia juga membuat mereka berasa tertekan serta memberi tekanan kepada ibu-bapa, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi kini. Bukan sahaja untuk majlis, malah sering juga pihak sekolah membuat kutipan wajib bagi pembaharuan infrastruktur, dan kutipan ini kadangkala boleh mencecah ratusan ringgit. Isu ini merupakan sebuah isu yang kurang mendapat perhatian tetapi penting untuk dibawa ke hadapan kerana ia melibatkan sosioekonomi keluarga B40 dan M40 serta kesejahteraan perkembangan minda dan emosi para pelajar yang bakal menjadi teraju negara ini di masa hadapan. Selain itu, dibimbangi jika tiada pemantauan dilakukan, perkara ini akan membuka ruang untuk pihak tertentu mengambil kesempatan."

[Menteri Pendidikan]

17. PR-1523-U(27)291

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan mengambil langkah pro-aktif dalam menangani serta menghentikan kes jenayah dera kanak-kanak di negara ini. Menteri Dalam Negeri pada 14 Mac 2023 melaporkan bahawa terdapat 220 kes kanak-kanak mati akibat penderaan antara tahun 2018 hingga 2022. Data Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat antara Januari hingga Jun 2022 juga mendedahkan terdapat 1,055 kes penderaan kanak-kanak di negara ini. Kanak-kanak adalah masa depan negara. Lantaran itu, pihak kerajaan wajar menangani lantas menghentikan kitaran dera ini dengan sebuah target 'Dera Sifar' menerusi langkah-langkah pro-aktif seperti mewajibkan kursus penjagaan anak, mewujudkan sistem pemantauan berkala, meneliti semula undang-undang serta garis panduan berkenaan penjagaan kanak-kanak, meningkatkan kesedaran masyarakat, dan lain-lain."

[Menteri Dalam Negeri]

18. PR-1523-U(27)292

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mengambil tindakan yang lebih pro-aktif dan efisyen bagi meningkatkan kesedaran, tindak balas, dan kerjasama masyarakat dalam menghadapi bencana alam. Kerajaan telah mengumumkan penubuhan Pusat Bencana Geologi Negara pada akhir tahun ini serta pembangunan Sistem Amaran Awal Tanah Runtuh (SAATR). Inisiatif ini akan dapat meningkatkan kecekapan tindak balas bencana agensi-agensi berkaitan. Bagaimana pula dengan tindak balas masyarakat.

Apa yang telah dan sedang Kerajaan usahakan bagi memastikan rakyat bukan sahaja peka tetapi takut dan patuh kepada arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Kerajaan perlu menguatkuaskan Akta Pertahanan Awam 1951, Akta 221 bawah seksyen 4 (C) di mana tindakan boleh diambil ke atas mereka yang tidak patuh kepada arahan pihak berkuasa contohnya arahan untuk berpindah dalam situasi banjir yang boleh membahayakan penduduk dan pada masa yang sama memberi risiko kepada penyelamat."

[Perdana Menteri]

19. PR-1523-U(27)293

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara teperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan makanan seperti beras tempatan, ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan makanan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bekalan makanan. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan makanan kepada individu (sebagai *end user*) mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

20. PR-1523-U(27)294

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru di samping menyelesaikan masalah ketidakcukupan benih padi di pasaran. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Myanmar yang mempunyai tanaman baka padi yang berdaya komersial tinggi."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

21. PR-1523-U(27)295

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat situasi iklim yang tidak menentu serta kenaikan harga barang. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan seringkali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

22. PR-1523-U(27)296

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas

perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

[Perdana Menteri]

23. PR-1523-U(27)297

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan di peringkat negeri diberikan mengikut keutamaan dan keperluan Kerajaan Negeri. Berdasarkan pelan RMK-12, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Namun begitu, terdapat beberapa projek yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan tidak mengambil kira cadangan dan hasrat Kerajaan Negeri khususnya di Perlis untuk mempelbagaikan fungsi sesuatu projek sedangkan Kerajaan Negeri mempunyai dasar serta hala tuju yang telah mengambil kira pelbagai keperluan dan kehendak semasa serta pada masa hadapan. Misalnya, Projek Lencongan Banjir Barat Timah Tasoh yang telah dilaksanakan pada tahun 2015, di mana dalam pembinaan terowong banjir terdapat skop pembinaan pada item pencahayaan di dalam terowong berjumlah RM300 ribu. Namun, skop berkenaan telah dikeluarkan atas alasan penjimatan. JPS Perlis selaku pelaksana projek telah membangkitkan perkara ini supaya dikekalkan atas faktor keselamatan dan memudahkan kerja pemantauan serta penyelenggaraan di dalam terowong di masa hadapan. Akan tetapi, ianya masih tetap dikeluarkan daripada skop asal projek."

[Menteri Ekonomi]

24. PR-1523-U(27)298

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Kerajaan tidak boleh hanya memperkenalkan inisiatif yang hanya sekadar 'rebranding' daripada Kerajaan sebelum ini kerana perubahan yang besar perlu dilakukan bagi mendepani kenaikan kos pembinaan disebabkan kenaikan harga barang binaan. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai Agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini juga akan terus menjadi mangsa kepada harga harta tanah yang melambung akibat spekulasi harta tanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40."

[Perdana Menteri]

25. PR-1523-U(27)299

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

26. PR-1523-U(27)300

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal ini demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiap siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

[Perdana Menteri]

27. PR-1523-U(27)301

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan. Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuh Raya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidaklangsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjong Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

28. PR-1523-U(27)302

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

[Menteri Kewangan]

29. PR-1523-U(27)303

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media. Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan. Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiaran berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan. Oleh demikian, Kerajaan digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabut sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu."

[Menteri Komunikasi dan Digital]

30. PR-1523-U(27)304

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi memboleh dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

31. PR-1523-U(27)305

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengkaji semula kawasan keluar dan masuk sempadan Malaysia-Thailand di Wang Kelian, Perlis. Sebelum ini, penduduk kedua-dua negara boleh menikmati kemudahan bergerak sehingga dua kilometer tanpa menggunakan pasport atau pas sempadan pada hari minggu. Kuatkuasa itu pernah dibuat bermula tahun 1993 hingga 2015. Akan tetapi, penarikan semula kemudahan kebebasan bergerak ini telah dibuat pada tahun 2015 kerana penemuan rangka manusia mangsa sindiket pemerdagangan manusia yang dipercayai etnik Rohingya. Susulan itu, Wang Kelian menjadi pekan mati hingga kini. Kerajaan Negeri Perlis cuba membangunkan semula kawasan pelancongan di Wang Kelian, namun ianya tidak semeriah dahulu. Justeru itu, Kerajaan diharapkan dapat mengkaji dan mempertimbangkan semula untuk memberi kemudahan bergerak di antara kedua-dua negara seperti sebelum ini. Dengan kemudahan tersebut, ianya akan dapat menjana semula perkembangan ekonomi khususnya buat penduduk tempatan yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2015. Semasa adanya 'Free Flow' ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand menambahkan pendapatan mereka."

[Menteri Dalam Negeri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

| <u>TAHUN 2023</u> | <u>RISALAT/DOKUMEN</u> | <u>TARIKH DIBENTANGKAN</u> |
|-----------------------|--|--------------------------------|
| ST. 221 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar Bagi Tahun 2021 | 29 November 2023 |
| ST. 224 | Perintah Perlembagaan Persekutuan (Kajian Semula Pemberian Khas Di Bawah Perkara 112D) (Negeri Sabah) 2023 | 29 November 2023 |
| ST. 225 | Perintah Perlembagaan Persekutuan (Kajian Semula Pemberian Khas Di Bawah Perkara 112D) (Negeri Sarawak) 2023 | 29 November 2023 |
| ST. 226 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) Bagi Tahun 2021 | 29 November 2023 |

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

| Tarikh Ucapan | Ahli Yang Berucap | Tajuk Ucapan | Menteri Yang Bertanggungjawab |
|----------------------|---|---|---|
| 1. 29.11.2023 (Rabu) | 1. YB Tuan Azli bin Yusof (Shah Alam) | 1. Cadangan Pindaan Peruntukan Berkaitan Perlindungan Pemberi Maklumat | 1. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri |
| 2. 29.11.2023 (Rabu) | 2. YB Tuan Azli bin Yusof (Shah Alam) | 2. Cadangan Pindaan Peruntukan Mengenai Notis kepada Masyarakat Setempat Sebelum Pewartaan Rancangan Tempatan | 2. YB Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan |
| 3. 29.11.2023 (Rabu) | 3. YB Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah (Langkawi) | 3. Isu Anjing Liar di Parlimen Langkawi | 3. YB Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan |
| 4. 29.11.2023 (Rabu) | 4. YB Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah (Langkawi) | 4. Isu Taraf Bebas Cukai Pulau Langkawi | 4. YB Menteri Kewangan |

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**